

NO. SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2017**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Mohd Idris Bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah dan tindakan untuk memajukan sepanjang Pantai Minyak Beku hingga ke Benut dalam kawasan Parlimen Batu Pahat sebagai pusat pelancongan yang dapat membantu mengindahkan kawasan tersebut, selamat dan memberikan sumber pekerjaan kepada rakyat setempat terutama kepada anak-anak muda.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM796,900.00 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan RM73,800.00 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi pembangunan di Daerah Batu Pahat.

Kementerian sentiasa memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangun atau dinaiktarafkan. Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan khususnya di kawasan Batu Pahat seperti dari Pantai Minyak Beku hingga ke Benut. Kementerian ini juga sentiasa bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPEN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membangunkan industri pelancongan khususnya di kawasan Parlimen Batu Pahat.

Sekian, terima kasih.